

01 AUG 1996
Mahathir-Tambak
MALAYSIA CADANG DUA JAMBATAN GANTI TAMBAK

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 1 Ogos (Bernama) -- Malaysia mencadangkan pembinaan dua jambatan bagi menggantikan Tambak Johor untuk menghubungkan Woodlands di Singapura dan Johor Baharu di Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu daripada jambatan itu ialah untuk laluan kereta api dan sebuah lagi untuk pengangkutan jalan.

"Ini disebabkan kecuraman untuk perkhidmatan kereta api harus kurang daripada perkhidmatan jalan," katanya kepada pemberita selepas menerima Anugerah Kehormat Zamalah Akademi Perubatan Singapura.

Dr Mahathir merupakan penceramah jemputan pada pidato Prof Gordon Arthur Ransome kali ke 13 anjuran akademi itu.

Pada 15 Julai lepas ketika melancarkan projek JB Waterfront City, beliau menyebut mengenai kemungkinan menggantikan tambak berusia 74 tahun itu dengan sebuah jambatan.

Singapura menyambut baik cadangan itu. Tambak sejauh 1.2 km itu dibuka pada Jun 1924.

Dr Mahathir berkata satu kajian sedang dibuat tetapi "kami perlukan persetujuan Singapura."

"Jika Singapura setuju secara formal atau secara rasmi, maka kita akan teruskan," katanya.

Perdana Menteri berkata tambak itu tidak lagi sesuai dan ia tidak dapat lagi menampung jumlah lalu lintas.

Pada masa yang sama, ia menyekat pengaliran air Selat Johor, katanya.

"Oleh kerana sektor perkhidmatan berhasrat untuk terlibat, mereka boleh membiayainya. Tidak ada sebab mengapa hubungan ini tidak boleh dibaiki," katanya.

Ketika ditanya mengenai laporan tentang pencabulan ruang udara Malaysia di Johor oleh pesawat-pesawat Tentera Udara Singapura, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara perlu "sama-sama menghormati ruang udara yang lain". --

BERNAMA

THG MAI